

**BANK MUAMALAT MALAYSIA BERHAD (BMMB) - DECLARATION AND TERMS & CONDITIONS OF CREDIT CARD-i /**  
**BANK MUAMALAT MALAYSIA BERHAD (BMMB) - PENGAKUAN DAN TERMA & SYARAT KAD KREDIT-i**

These Terms & Conditions are intended to be read together with the Cardholder Agreement and Product Disclosure Sheet (PDS) for Credit Card-i, pamphlets, brochures or any other relevant terms & conditions issued by BMMB ("the Bank") which may be imposed from time to time according to the specific types of accounts bought by the Customer. / *Terma & Syarat ini bertujuan untuk dibaca bersama dengan Perjanjian Pemegang Kad dan Risalah Pendedahan Produk (RPP) untuk Kad Kredit-i, risalah atau sebarang terma & syarat lain yang dikeluarkan oleh BMMB ("pihak Bank") yang mungkin dikenakan dari semasa ke semasa mengikut jenis akaun tertentu yang dibeli oleh Pelanggan.*

**These Terms and Conditions are separate from Cardholder Agreement applicable to the relevant Credit Card-i Facility. / *Terma dan Syarat ini adalah asing daripada Pejanjian Pemegang Kad yang terpakai untuk Kemudahan Kad Kredit-i yang berkenaan.***

Any Credit Card-i facilities opened and any operations on Credit Card-i made shall be subject to and governed by the Terms & Conditions mentioned below, in addition to the latest published Cardholder Agreement / *Sebarang kemudahan Kad Kredit-i yang dibuka dan apa-apa operasi pada Kad Kredit-i yang dibuat akan tertakluk dan ditadbir oleh Terma dan Syarat yang disebut di bawah, sebagai tambahan kepada Perjanjian Pemegang Kad yang diterbitkan terkini :*

1. I hereby declare that all the information presented by me is true and I have not withheld any material facts. If any of the information given by me becomes inaccurate or misleading or shall change in any way, whether before this application is approved or whilst the financing is outstanding, I shall notify the BMMB of such changes as soon as is reasonably possible. / *Saya mengaku bahawa semua maklumat yang yang diberikan oleh saya adalah benar dan saya tidak menyembunyikan apa-apa maklumat. Sekiranya ada mana-mana maklumat yang diberikan oleh saya adalah tidak tepat atau mengelirukan atau berubah-ubah, sama ada sebelum permohonan ini diluluskan ataupun masih dalam pertimbangan, saya akan memaklumkan mengenai perubahan maklumat tersebut kepada pihak BMMB dengan segera.*
2. I hereby declare that all the information given including but not limited to information from any financings that I have obtained or am in the process of obtaining from any financial and/or non-financial institution is true, accurate, and complete and I have not withheld any material facts or information in relation thereto. If any information given by me may become other than accurate or there are any material changes in anyway, whether before this application is approved or while this application of financing is outstanding, I hereby undertake to notify BMMB of any such changes immediately. I hereby declare that I do not have any other financing from financial and/or non-financial institutions besides that which I have already declared herein. / *Saya dengan ini mengesahkan bahawa semua maklumat yang diberi, termasuk tetapi tidak terhad kepada maklumat daripada mana-mana pembiayaan yang saya telah dapat atau dalam proses untuk mendapatkan pembiayaan daripada mana-mana institusi kewangan dan/atau bukan kewangan adalah benar, tepat dan lengkap, dan saya tidak sengaja menyembunyikan apa-apa fakta material atau maklumat berhubung dengannya. Jika apa-apa maklumat yang diberikan oleh saya dalam dokumen ini menjadi tidak tepat atau terdapat apa-apa perubahan penting dengan apa cara jua, sama ada sebelum permohonan ini diluluskan atau ketika permohonan pembiayaan ini belum selesai, saya dengan ini mengaku janji untuk memaklumkan BMMB tentang perubahan itu serta-merta. Saya dengan ini mengisytiharkan selanjutnya bahawa saya tidak mempunyai apa-apa pembiayaan lain daripada institusi kewangan dan/atau bukan kewangan lain selain yang diisytiharkan dalam dokumen ini oleh saya.*
3. I authorise and consent to BMMB and its representative to obtain information pertaining to this application from any source, including but not limited to credit information, from the Inland Revenue Board (IRB) Authorities, Employees Provident Fund (EPF), other financial institutions, Central Credit Reference Information System (CCRIS), SME Credit Bureau, any other credit reference agencies, any other person, individual and/or entity, as BMMB deems necessary and/or appropriate, without assigning any reason whatsoever. / *Saya memberi kebenaran dan persetujuan kepada BMMB dan wakilnya untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan permohonan ini dari mana-mana sumber termasuk dan tetapi tidak terhad kepada maklumat kredit dari Lembaga Hasil Dalam Negeri, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), institusi-institusi kewangan yang lain, Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat (CCRIS), Kredit Biro SME, mana-mana ejen rujukan kredit, individu dan/atau entiti yang dianggap perlu dan/atau bersesuaian oleh BMMB, tanpa perlu menyatakan sebarang alasan.*

BMMB is expressly authorised to discuss with my present and future employer(s) regarding this application. / *BMMB diberi kuasa untuk membincangkan permohonan ini bersama majikan semasa dan majikan masa depan saya.*

4. I shall comply with BMMB's requirements in respect of my application and I understand that BMMB's offer of the financing facility shall be subject to BMMB performing the necessary verification. / *Saya akan mematuhi segala keperluan BMMB untuk permohonan saya dan saya memahami bahawa tawaran pembiayaan oleh BMMB adalah tertakluk kepada pengesahan yang diperlukan oleh BMMB.*
5. I expressly consent to and authorise BMMB to disclose to Bank Negara Malaysia (BNM), any other bodies, authorities such as CAGAMAS and debt collection agents, any person(s) in or outside Malaysia including but not limited to companies within the group of BMMB, whether such group of companies are residing, situated, carrying on business, incorporated or constituted within or outside Malaysia, including but not limited to the respective agents, authorised and appointed outsourcing agents for purpose of providing integrated services, maintaining and storing records (financial or otherwise), at any time and without liability, any information and particulars (financial or otherwise) relating to my affairs and accounts, financing and conduct thereof for such purposes as BMMB deems fit or appropriate. / *Saya memberi kebenaran dan memberi kuasa kepada BMMB untuk mendedahkan apa-apa maklumat dan butiran (kewangan atau lain-lain) yang berkaitan dengan urusan dan akaun saya, pembiayaan dan pengendalian kepada Bank Negara Malaysia (BNM), badan-badan lain, pihak berkuasa seperti CAGAMAS, ejen pemungut hutang, mana-mana individu di dalam atau di luar Malaysia termasuk tetapi tidak terhad kepada syarikat-syarikat dalam kumpulan BMMB, sama ada kumpulan syarikat tersebut menetap, menjalankan perniagaan, diperbadankan atau ditubuhkan di dalam atau di luar Malaysia, termasuk tetapi tidak terhad kepada ejen-ejen tertentu, ejen khidmat luaran yang diberi kuasa dan dilantik dengan tujuan menyediakan perkhidmatan bersepadu, memelihara dan menyimpan rekod-rekod (kewangan atau lain-lain) pada masa tertentu dan tanpa liabiliti bagi tujuan yang dianggap sesuai oleh BMMB.*

6. I hereby agree and consent for BMMB to request for and to obtain all the personal information and data set forth in this form for the purpose of processing this application and also for all other purposes that are necessary and required in relation to the facility requested by me herein including the transfer or disclosing of such personal data to any of our agents, authorised and appointed outsourcing agents, subsidiaries in or outside Malaysia for the purpose of processing the personal information and data required by BMMB and also for purposes of storage by such agents or subsidiaries. I also declare that all personal information and data set forth herein are all true, up-to-date and accurate and should there be any changes to any personal information or data set forth herein, I shall notify BMMB immediately. / *Saya dengan ini bersetuju dan membenarkan BMMB untuk meminta dan mendapatkan semua maklumat dan data peribadi yang dinyatakan dalam borang ini bagi tujuan memproses permohonan ini dan juga untuk semua tujuan lain yang diperlukan dan dikehendaki berhubung dengan kemudahan yang diminta oleh saya dalam borang ini termasuk memindahkan atau mendedahkan data peribadi tersebut kepada mana-mana ejen kami, ejen khidmat luaran yang diberi kuasa dan dilantik, anak syarikat di dalam atau di luar Malaysia bagi tujuan memproses maklumat dan data peribadi yang dikehendaki oleh BMMB dan juga untuk tujuan penyimpanan oleh ejen dan anak syarikat tersebut. Saya juga mengisytiharkan bahawa semua maklumat dan data peribadi yang dinyatakan dalam borang ini adalah benar, terkini dan tepat dan sekiranya terdapat apa-apa perubahan kepada apa-apa maklumat atau data peribadi yang dinyatakan dalam borang ini, saya berjanji untuk memberitahu BMMB dengan serta-merta.*
7. I hereby undertake to inform BMMB if I and my guarantor(s) (if any) and my immediate family members (parents, spouses and children) are related to any present or future employee(s) of BMMB or the director(s) of BMMB. / *Dengan ini saya mengakujani akan memberitahu BMMB jika saya dan penjamin saya dan ahli keluarga terdekat saya (ibu bapa, suami, isteri dan anak-anak) berkait dengan pekerja BMMB atau pengarah BMMB pada masa sekarang atau pada masa depan.*
8. I am not in default on any accounts with BMMB or other financial institutions or under any legal impediments. / *Saya tidak gagal untuk membuat pembayaran terhadap mana-mana akaun BMMB atau institusi-institusi kewangan yang lain atau di dalam mana-mana urusan undang-undang.*
9. This application form and all supporting documents that were submitted to BMMB shall be the sole property of BMMB and BMMB is entitled to retain the same irrespective of whether my application is approved or rejected by BMMB. / *Borang permohonan ini dan semua dokumen sokongan yang telah diserahkan kepada BMMB adalah hak milik mutlak BMMB dan BMMB berhak untuk mengekalkan semua dokumen tanpa mengira sama ada permohonan saya diluluskan atau ditolak oleh BMMB.*
10. I hereby acknowledge and agree that pursuant to Section 7 of the Electronic Commerce Act 2006, my application or acceptance of the Card's Application made via over-the-counter at any BMMB branch, SMS, Phone, i-Muamalat Retail Internet Banking, email or any electronic medium recognized by BMMB shall be deemed as valid and I shall not deny its legal effect, validity or enforceability. / *Saya dengan ini mengakui dan bersetuju bahawa menurut Seksyen 7 Akta Perdagangan Elektronik 2006, permohonan saya atau penerimaan permohonan Kad yang dibuat melalui kaunter di mana-mana cawangan BMMB, SMS, talian perbankan, Perbankan Internet Runcit i-Muamalat, e-mel atau mana-mana media elektronik yang diiktiraf oleh BMMB hendaklah dianggap sah dan saya tidak boleh menafikan kesan undang-undang, kesahan atau kebolehlaksanaannya.*
11. I understand that BMMB reserves the absolute right to approve or decline this application as BMMB deems fit without assigning any reason. / *Saya faham bahawa pihak BMMB mempunyai hak mutlak untuk meluluskan atau menolak permohonan tanpa menyatakan sebarang alasan.*
12. I agree to be bound by BMMB's rules and regulations from time to time governing the relevant type of account and financing and that BMMB is entitled to be indemnified in circumstances set out in such rules and regulations. / *Saya bersetuju untuk terikat kepada peraturan-peraturan BMMB dari semasa ke semasa yang berkaitan dengan jenis akaun dan pembiayaan dan BMMB berhak untuk dibayar ganti rugi dalam keadaan yang tertera di dalam syarat-syarat tersebut.*
13. BMMB refers to Bank Muamalat Malaysia Berhad, being the licensed financial institution offering the financing product(s) referred to in this application form. / *BMMB adalah merujuk kepada Bank Muamalat Malaysia Berhad, sebagai institusi kewangan yang dilesenkan untuk menawarkan produk-produk pembiayaan yang dirujuk dalam borang permohonan ini.*
14. For your convenience, a Short Message System (SMS) may be sent to your mobile number as stated in this form should your financing application be approved by BMMB. / *Untuk kemudahan anda, Sistem Pesanan Ringkas (SMS) mungkin akan dihantar ke telefon mudah alih anda mengikut nombor yang dinyatakan di dalam borang permohonan ini sekiranya permohonan pembiayaan anda diluluskan oleh BMMB.*
15. I confirm that I shall read the terms and conditions of the Bank Muamalat Malaysia Berhad Credit Cardholder Agreement which have been displayed on the official Bank Muamalat Malaysia Berhad website ([www.muamalat.com.my](http://www.muamalat.com.my)) and agree to be bound by them and all future amendments thereto before accepting and receiving the card(s). In the event I require a hard copy of the said Bank Muamalat Malaysia Berhad Credit Cardholder Agreement, I may request for a copy of the same from BMMB. I further agree that the Principal Cardholder shall be responsible for all liabilities and obligations of the Principal Cardholder as well as those of the Supplementary Cardholder(s). The Supplementary Cardholder however, shall only be responsible for his/ her own liabilities and obligations. BMMB shall reserve the absolute right to approve or reject my application as BMMB deems fit without assigning any reason. I understand the card(s) remain the property of Bank Muamalat Malaysia Berhad and shall be subject to cancellation without notice and would be returned upon request. / *Saya mengesahkan bahawa saya akan membaca syarat dan peraturan Perjanjian Pemegang Kad Bank Muamalat Malaysia Berhad yang telah dinyatakan di laman web rasmi Bank Muamalat Malaysia Berhad ([www.muamalat.com.my](http://www.muamalat.com.my)) dan bersetuju untuk mematuhiinya dan segala pindaan akan datang sebelum menerima dan mengambil kad (kad-kad). Sekiranya saya memertukan salinan Perjanjian Pemegang Kad Bank Muamalat Malaysia Berhad tersebut, saya boleh meminta salinan tersebut daripada BMMB. Saya seterusnya bersetuju bahawa Pemegang Kad Utama hendaklah bertanggungjawab terhadap semua liabiliti dan obligasi Pemegang Kad Utama serta Pemegang (pemegang-pemegang) Kad Tambahan. Walau bagaimanapun, Pemegang Kad Tambahan akan hanya bertanggungjawab terhadap liabiliti dan obligasinya sendiri. BMMB mempunyai hak mutlak untuk meluluskan atau menolak permohonan saya sewajarnya tanpa memberikan apa-apa sebab. Saya faham bahawa kad tersebut masih hakmilik Bank Muamalat Malaysia Berhad dan akan tertakluk kepada pembatalan tanpa pemberitahuan awal dan perlu dikembalikan atas permintaan.*

16. I hereby expressly consent and authorise BMMB to disclose any information that I have provided / disclosed to BMMB for the purpose of cross selling, marketing promotions with other companies within Bank Muamalat Malaysia Berhad Group, its agent (including but not limited to any authorities, merchants and any member of ie Visa International / Mastercard), servants and/or such persons of third parties as BMMB may deem fit. / *Saya mengesahkan bahawa saya memberi kebenaran dan kuasa kepada BMMB yang tidak boleh dibatal tanpa kebenaran untuk mendedahkan sebarang maklumat yang telah saya kemukakan kepada BMMB bagi tujuan jualan silang ("cross selling"), pemasaran dan promosi dengan syarikat-syarikat dalam Kumpulan Bank Muamalat Malaysia Berhad, ejen (termasuk tetapi tidak terhad kepada mana-mana pihak berkuasa, bank-bank saudagar dan mana-mana ahli Institusi seperti Visa International / Mastercard), pekerja-pekerjanya dan/atau mana-mana individu atau pihak ketiga yang difikirkan oleh BMMB adalah wajar.*

At any time in future, if I wish to have my name and address removed from such mailing list, I am required to write to the BMMB at Bank Muamalat Malaysia Berhad, Card Business Department, Menara Bumiputra, 21 Jalan Melaka, & 50100 Kuala Lumpur. / *Pada bila-bila masa akan datang, sekiranya saya ingin mengeluarkan nama dan alamat saya dari senarai pengeposan tersebut, saya perlu menulis kepada BMMB di Bank Muamalat Malaysia Berhad, Card Business Department, Menara Bumiputra, 21 Jalan Melaka, 50100 Kuala Lumpur.*

17. BMMB has informed me and I fully understand that in accordance with prevailing Bank Negara Malaysia (BNM) Guidelines, if my annual income is RM36,000 or less, I can only hold credit card as a Principal Cardholder from a maximum of two (2) credit cards issuers ("Issuers") effective 1 January 2012 ("Maximum Issuer Restriction"). / *BMMB telah memaklumkan kepada saya dan saya memahami sepenuhnya peraturan yang ditetapkan mengikut Panduan Bank Negara Malaysia (BNM), bahawa mulai 1 Januari 2012 ("Had Pengeluaran Maksimum"), sekiranya pendapatan saya tidak melebihi RM36,000 setahun, saya hanya dibenarkan untuk menjadi Pemegang Utama kad kredit kepada maksimumnya dua (2) pengeluaran kad kredit ("Pengeluar") sahaja.*

Upon the issuance by BMMB of the credit card(s) applied for under this application, I declare that so long as the Maximum Issuer Restriction applies to me. / *Saya mengakui dan mengesahkan kewujudan Had Pengeluaran Maksimum sekiranya permohonan kredit kad saya akan dikeluarkan oleh BMMB mengikut permohonan saya.*

17.1 I will be holding credit cards from a maximum of two (2) Issuers (Including BMMB as an Issuer): but / *Saya hanya akan memiliki kad kredit daripada maksimum dua (2) Pengeluar Kad sahaja (termasuklah BMMB yang mengeluarkan kad tersebut): tetapi*

17.2 In the event that I hold credit cards from more than two (2) Issuers (Including BMMB as an Issuer), I undertake to ensure that I will comply with the Maximum Issuer Restriction effective 1 January 2012. / *Jika saya memiliki kad kredit lebih daripada dua (2) Pengeluar Kad (termasuk BMMB yang mengeluarkan kad tersebut), saya jamin akan mematuhi Had Pengeluaran Maksimum yang akan berkuatkuasa pada 1 Januari 2012.*

**Other Terms and Conditions / Terma dan Syarat Lain**

Please refer to BMMB's official website at [www.muamalat.com.my](http://www.muamalat.com.my) for further details including the Cardholder Agreement, latest Products and their respective disclosures or call +603-2600 5500 for further details. / *Sila rujuk laman web rasmi BMMB di [www.muamalat.com.my](http://www.muamalat.com.my) untuk maklumat lanjut termasuk Perjanjian Pemegang Kad, Produk-produk terkini dan pendedahan masing-masing atau hubungi +603-2600 5500 untuk maklumat lanjut.*

Principal Cardholder / Pemegang Kad Prinsipal	Supplementary Cardholder / Pemegang Kad Tambahan
<p>.....</p> <p>Name / Nama :</p> <p>IC Number / Nombor IC :</p> <p>Date / Tarikh :</p>	<p>.....</p> <p>Name / Nama :</p> <p>IC Number / Nombor IC :</p> <p>Date / Tarikh :</p>

Fees and Charges applicable for the Cardholder are as appended.